

SOALAN NO: 75**PARLIMEN MALAYSIA****PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : Lisan****DARIPADA : Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang
[Sibuti]****TARIKH : 3 Ogos 2017****SOALAN : Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang
[Sibuti] minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan apakah perkembangan
insentif ternakan lebah madu kelulut
yang diperkenalkan sejak 2016 di
Negeri Sarawak. Berapakah jumlah
bantuan insentif bagi pemohon dari
Sarawak.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMke-11), Jabatan Pertanian Sarawak telah mula melaksanakan Projek Pemeliharaan Kelulut di Negeri Sarawak. Projek ini dilaksanakan bagi menyokong dan memacu pembangunan industri kelulut di Negeri Sarawak.

Dibawah Projek Pemeliharaan Kelulut yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Sarawak, kadar bantuan insentif maksimum kepada seorang peserta adalah bernilai RM13,500 seunit. Bantuan Insentif diberikan dalam bentuk set koloni kelulut serta bantuan peralatan untuk penyelenggaran dan penuaian.

Dalam tempoh pelaksanaan bagi tahun 2016 dan tahun 2017, Jabatan Pertanian Sarawak telah memperuntukan sejumlah RM945,000 bagi membantu 95 orang peserta dalam Projek Pemeliharaan Kelulut di Negeri Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 03 OGOS 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 76

Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana manfaat diperoleh rakyat dan Kerajaan menerusi pengecualian dasar kaboutaj kepada Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mulai 1 Jun lepas, di mana dasar tersebut dikatakan mempengaruhi harga barang di Malaysia Timur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengecualian Dasar Kaboutaj di Sabah, Sarawak dan Labuan yang berkuatkuasa 1 Jun 2017 tersebut dijangka akan menjadi pelengkap dalam usaha menggiatkan aktiviti-aktiviti ekonomi yang direncanakan oleh Kerajaan di Sabah dan Sarawak seperti pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo dan ia juga dijangka akan dapat memacu pertumbuhan sektor logistik serta industri hiliran maritim.

Dalam pada itu, Kementerian Pengangkutan telah mewujudkan Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada wakil-wakil daripada agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk menilai impak dan kesan pengecualian Dasar Kaboutaj berkenaan. Hasil penemuan daripada Jawatankuasa Kerja tersebut akan dijadikan sebagai asas untuk penilaian kepada pengecualian Dasar Kaboutaj. Proses penilaian tersebut dijangka akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua belas bulan (12 Bulan).